

Pakistan Minat Kerjasama Malaysia Dalam Sektor Ternakan Berhubung Isu Keselamatan Makanan
Bernama
14 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Sambil melahirkan kebimbangan tentang keselamatan makanan, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia Masood Khalid berkata negaranya berminat meneroka kerjasama dalam sektor ternakan serta industri halal yang mana Malaysia mempunyai kepakaran.

"Saya menjangka keselamatan makanan sebagai salah satu daripada kebimbangan utama kita pada masa depan. Oleh itu, kedua-dua negara perlu mula memikir ke arah tersebut," kata Masood pada sidang media selepas majlis menaikkan bendera sebagai menandakan Hari Kemerdekaan ke-65 Pakistan di sini.

Beliau berkata Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam industri halal boleh menimbang untuk menggabungkan kepakaran dengan Pakistan bagi memenuhi keperluan kedua-dua negara serta lain-lain pasaran di Timur Tengah dalam sektor itu.

Mengulas mengenai hubungan baik yang terjalin antara Pakistan dan Malaysia, Masood berkata kerjasama lebih erat antara kedua-dua negara boleh dicapai dalam bidang pendidikan, budaya dan ekonomi yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

"Pakistan sentiasa berusaha mengukuh, meningkatkan dan membangunkan hubungan dan persaudaraan yang baik dengan Malaysia," katanya. Perdagangan antara Malaysia dan Pakistan mencecah AS\$2.8 bilion pada 2011, iaitu peningkatan sebanyak 14 peratus berbanding pada 2010.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688171>